

Tak perlu wujudkan RCI isu banjir

MOHD HAFIZ ISMAIL

KUALALUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, tiada keperluan bagi kerajaan untuk mewujudkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai pengurusan bencana banjir buruk yang melanda beberapa negeri, akhir tahun lalu.

Namun beliau mengakui peraturan tetap operasi, pengendalian bencana banjir dan prosedur operasi standard (SOP) agensi pelaksana harus dikaji serta dikemas kini bagi menghadapi situasi banjir.

"Berdasarkan kejadian banjir yang berlaku, beberapa isu telah dikenalpasti dan memerlukan penambahbaikan antaranya peningkatan kemahiran kepimpinan dalam agensi di peringkat daerah, negeri serta pusat seperti kaedah

perintah serta kawalan.

"Selain itu, peningkatan aset dan logistik yang bersesuaian bagi penggunaan operasi mencari dan menyelamatkan dalam keadaan bencana ekstrem (diperlukan) antaranya bot keupayaan tinggi, amphibious vehicle (kenderaan dua alam) serta helikopter yang berkeupayaan untuk beroperasi dalam situasi lebih serius," katanya ketika menjawab soalan Datuk Azalina Othman Said (**BN-Pengerang**).

Najib berkata, kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara dan beberapa agensi berkaitan melaksanakan pelbagai tindakan bagi membantu mangsa banjir.

"Kerajaan telah menyalurkan peruntukan RM500 juta sebagai bantuan permulaan untuk kerja baik pulih dan program kebajikan mangsa ban-



Kerajaan melalui pelbagai agensi membantu penduduk membina kediaman selepas banjir.

dir dan jumlah keseluruhannya RM787 juta.

"Kerajaan juga menyediakan sebanyak RM893 juta bagi Bajet 2015 untuk rancangan

teban banjir dan membina rumah-rumah bertiang setinggi lapan kaki yang musnah akibat banjir kepada mereka yang mempunyai tanah

sendiri," jelasnya.

Menjawab soalan tambahan dari Datuk Johari Abdul (PKR-Sungai Petani) yang mempersoal mengapa kerajaan

tidak mengisytiharkan darurat sewaktu banjir buruk itu berlaku, Najib berkata, ia kerana Kerajaan Pusat mahu bekerjasama dengan kerajaan negeri melaksanakan tugas-tugas memulihkan infrastruktur.

"Pengisytiharan darurat hanya akan memberi implikasi kepada mangsa banjir untuk membuat tuntutan banjir. Kerajaan dalam situasi ini tidak mahu diletakkan dalam situasi bahawa ini tanggungjawab penuh Kerajaan Pusat semata-mata,

"Kita akan laksanakan projek-projek banjir di Kelantan sama seperti negeri lain di bawah pemerintahan BN. Begitu juga dengan projek teban banjir," katanya ketika menjawab soalan tambahan dari Dr Mohd Hatta Ramli (**Pas-Kuala Krai**) mengenai projek bagi menghadapi banjir.